

1 Apakah ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka?

- A Raja
- B Rakyat
- C Budaya
- D Agama

2 Jadual berikut berkaitan dengan pemerintahan di Thailand.

Pemerintah	Tindakan
- Raja Mongkut - Raja Chulalongkorn	Menggunakan diplomasi dan permodenan

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap politik di Thailand?

- A Kedaulatan negara dikekalkan
- B Kuasa asing bertambah kukuh
- C Kuasa pemerintah tradisional mantap
- D Kegiatan ekonomi dikuasai pembesar

3 Maklumat berikut berkaitan dengan golongan berpendidikan Inggeris dan Melayu dalam kesedaran nasionalisme melalui pertubuhan sosioekonomi.

- Ibrahim Haji Yaakob
- Ishak Haji Muhammad
- Ahmad Boestaman
- Burhanuddin al-Helmi

Apakah cabaran yang dihadapi oleh golongan tersebut?

- A Kekurangan senjata
- B Masalah kewangan
- C Masalah perkauman
- D Kekurangan Infrastruktur

- 4 Berikut merupakan institusi pendidikan yang wujud pada awal abad ke-20.

- Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)
- Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)

Bagaimanakah institusi ini menyemarakkan nasionalisme?

- A Menerima kunjungan ulama luar
- B Mengembangkan amalan demokrasi
- C Melancarkan kempen propaganda
- D Melahirkan golongan pemimpin

- 5 Pernyataan berikut berkaitan dengan sekatan ekonomi terhadap Jepun

Amerika Syarikat telah menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk operasi perangnya

Bagaimanakah Jepun menangani tindakan tersebut?

- A Jepun merancang menguasai Asia Tenggara
- B Jepun menyerang wilayah jajahan pihak Bersekutu
- C Jepun mewujudkan pakatan ketenteraan dengan Jerman
- D Jepun melancarkan imperialisme di seluruh rantau Asia Pasifik



- 6 Maklumat berikut merujuk individu yang menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.



Sybil Kathigasu

- Apakah peranan individu di atas semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu?
- A Memberi bantuan ubat ubatan kepada gerila anti-Jepun
 - B Menyebarkan risalah dan propaganda
 - C Memajukan pendidikan kaum wanita
 - D Mempertahankan agama Islam
- 7 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan Raja Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British?
- I Desakan Kerajaan British
 - II Masalah perwarisan takhta
 - III Eksploitasi kekayaan Sarawak
 - IV Memenuhi permintaan penduduk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Mengapakah Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada British?
- A Mengabaikan surat wasiat
 - B Masalah perwarisan takhta
 - C Memenuhi desakan pelabur
 - D Meneruskan dasar British

- 9 Apakah faktor yang menjayakan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kekalahan tentera Jepun
 - B Sokongan pentadbir British
 - C Bantahan golongan radikal
 - D Pengaruh negara serantau
- 10 Apakah manfaat yang diperoleh orang Melayu melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Peluang pekerjaan
 - B Taraf sosial meningkat
 - C Kebebasan untuk berpolitik
 - D Kedudukan istimewa dilindungi
- 11 Perang saraf ialah rancangan dilakukan untuk menghapuskan komunis. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan perang saraf?
- I Menawarkan hadiah wang tunai
 - II Mengadakan perintah berkurung
 - III Mengukuhkan pasukan tentera
 - IV Melonggarkan syarat kelayakan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 12 Jadual berikut berkaitan peristiwa pada zaman darurat.

Tarikh	Peristiwa
17 Julai 1948	Perisytiharan darurat oleh Persuruhjaya Tinggi British
31 Ogos 1957	Perisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman
31 Julai 1960	Perisytiharan tamat darurat oleh Yang di- Pertuan Agong

Mengapakah kerajaan mengisytiharkan darurat?

- A Melaksanakan tuntutan Rundingan Baling
B Merealisasikan cadangan Suruhanjaya Reid
C Mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu
D Memenuhi desakan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu
- 13 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah mengemukakan teras pembentukan sistem Pendidikan Kebangsaan.
Apakah hasrat jawatankuasa tersebut?

- A Mengasaskan idea kemerdekaan
B Membasmi kemiskinan rakyat
C Memupuk perpaduan kaum
D Menjaga keamanan negara

- 14 Gerakan politik berikut terlibat dalam kerjasama ke arah kemerdekaan.

• Persidangan Kebangsaan
• Konvensyen Kebangsaan

Apakah persamaan gerakan politik tersebut?

- A Menyokong penubuhan Majlis Raja-raja
B Mengadakan pilihan raya persekutuan
C Membentuk Dewan Perundangan
D Menerima satu kewarganegaraan

- 15 Hari penamaan calon bagi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 ditetapkan pada 15 Jun 1955.

Jika Encik Amirul dapat bertanding dalam pilihan raya tersebut, apakah syarat yang perlu dipenuhi?

- I Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- II Berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris
- III Berumur 18 tahun ke atas
- IV Bebas daripada hutang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 16 Maklumat berikut berkaitan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

- Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan.
- Namun begitu, masih terdapat pegawai British yang bertugas selepas penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Apakah tugas pegawai British tersebut?


- A Penyelia pentadbiran
- B Penasihat perundangan
- C Pensihat keselamatan
- D Penyelia infrastruktur

- 17 Manakah menjadi pilihan masyarakat dan pemimpin Tanah Melatu dalam Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan 1956?

- I Kedudukan Raja Melayu dipelihara
- II Kewarganegaraan kepada sesiapa sahaja
- III Kepatuhan rakyat kepada demokrasi berparlimen
- IV Keistimewaan orang Melayu dan kepentingan kaum lain

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah X ?

- A Berbincang dengan kerajaan British di London
 - B Memeriksa aturan perlembagaan Tanah Melayu
 - C Menenliti kedudukan perlembagaan
 - D Mewujudkan kerajaan pusat
- 19 Apakah tujuan penubuhan Jawatankuasa Persediaan Fizikal sebelum menyambut kemerdekaan 31 Ogos 1957?
- A Menghargai perjuangan wira negara
 - B Pembahagian tugas pegawai tempatan
 - C Pengalaman dalam mengurus sambutan
 - D Memberi detik bermakna kepada negara

- 20 Gambar berikut adalah Jata Negara yang telah diperkenankan oleh Raja-Raja Melayu pada tahun 1957?




Apakah maksud lima bilah keris dalam lambang tersebut?

- A Negeri-negeri Selat
 - B Islam sebagai agama rasmi
 - C Warisan ketamadunan Melayu
 - D Negeri Melayu Tidak Bersekutu
- 21 Antara berikut, manakah ciri negara berdaulat?
- I Sempadan
 - II Perundangan
 - III Wilayah Pengaruh
 - IV Lambang kebesaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 22 Apakah peranan rakyat dalam mewujudkan kestabilan politi dan kemakmuran ekonomi?
- A Menghormati kaum lain
 - B Menyokong dasar kerajaan
 - C Menggunakan bahasa kebangsaan
 - D Melaksanakan undang-undang berkesan



- 23 Mengapakah pembentukan Perlembagaan Persekutuan dikatakan sebagai unik?
- A Mempunyai ciri tradisional dan moden
 - B Menjadi panduan pemerintahan negara
 - C Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu
 - D Memperuntukkan perlindungan khas untuk orang Melayu
- 24 Pindaan perlembagaan telah dilakukan pada tahun 1963 dan 1965 bagi menyesuaikan dengan perkembangan semasa negara. Apakah rasional tindakan tersebut dilakukan
- A Bersatu padu dalam negara
 - B Setia kepada raja dan negara
 - C Mengekalkan kedudukan negara
 - D Mementingkan pembangunan negara
- 25 Apakah fungsi Majlis Raja-raja dalam Perlembagaan Persekutuan?
- I Meminda perlembagaan
 - II Mengadakan pilihan raya
 - III Menjadi Lembaga Pengampunan
 - IV Memilih Yang di-Pertuan Agong
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 26 Bagaimanakah pemerintahan beraja mengimbangi sistem pemerintahan demokrasi?
- A Gabungan pelbagai parti politik
 - B Melalui kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong
 - C Raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara
 - D Yang di-Pertuan Agong memperkenankan pembubaran parlimen

- 27 Apakah maksud Sistem Persekutuan?
- A Negeri taklukan
 - B Negeri naungan
 - C Pentadbiran kesatuan
 - D Penyatuan beberapa negeri
- 28 Penyelarasan pentadbiran dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
Bagaimanakah penyelarasan tersebut dilaksanakan?
- A Mesyuarat Jemaah Menteri
 - B Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri
 - C Mesyuarat Majlis Muafakat Kerajaan Negeri
 - D Mesyuarat Suruhanjaya Kementerian Negara
- 29 Rajah berikut berkaitan dengan rasional pembentukan Malaysia.



Apakah X ?

- A Menyebarkan ideologi
- B Membangunkan wilayah
- C Menyatukan pentadbiran
- D Mengukuhkan pengaruh

30 Antara berikut, apakah intipati Perjanjian Malaysia?

- I Singapura diasingkan
- II Pengecualian peruntukan kerusi Parlimen
- III Menetapkan tarikh pembentukan Malaysia
- IV Mengiktiraf kedaulatan negeri yang bergabung

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Apakah cabaran yang dihadapi oleh kerajaan untuk memajukan bidang perhubungan dan pengangkutan di Sarawak dan Sabah?

- A Kekurangan sokongan
- B Kepadatan penduduk
- C Keluasan saiz negeri
- D Kewangan negeri terhad

32 Mlumat berikut merujuk kepada tindakan yang dilaksanakan kerajaan bagi mengatasi masalah peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969.

- Parlimen di tangguhkan
- Membina pusat perlindungan mangsa rusuhan
- Penguatkuasaan perintah berkurung

Apakah tindakan tersebut?

- A Mengisytiharkan darurat
- B Membentuk MAGERAN
- C Menggubal perlembagaan baru
- D Mewujudkan Akta Keselamatan Dalam Negeri

- 33 Pelaksanaan sistem pendidikan di negara kita berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Apakah matalamt Dasar Pendidikan Negara?

- A Memajukan sukan negara
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Memperkukuh hubungan luar
- D Membentuk kebudayaan kebangsaan

- 34 Gambar berikut menunjukkan logo Dasar 1 Murid 1 Sukan.



Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?

- A Membina masyarakat progresif
- B Memantapkan sistem pendidikan
- C Memupuk semangat berpasukan
- D Memperkasakan semangat kenegerian

- 35 Antara berikut yang manakah berkaitan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- I Membuka peluang pendidikan
- II Membentuk kampung baru
- III Menambah peluang kerja
- IV Membasmi kemiskinan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


- 36 Dasar Pembangunan Nasional menumpukan perhatian dalam kemudahan fizikal dan alam sekitar.
Apakah tindakan yang membuktikan matlamat tersebut?
- A Program penanaman semula
 - B Penggunaan teknologi moden
 - C Penggunaan teknologi hijau
 - D Memperkenalkan e-pembelajaran
- 37 Apakah matlamat utama penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1945?
- A Mengembangkan perdagangan dunia
 - B Menyatupadukan masyarakat seluruh dunia
 - C Mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia
 - D Memberi bantuan kepada negara yang menghadapi perang
- 38 Rajah berikut menunjukkan logo Bank Pembangunan Islam yang ditubuhkan pada tahun 1973.



Apakah faedah yang diperoleh Malaysia apabila menyertai IsDB?

- A Memajukan ekonomi penduduk Malaysia
- B Melatih rakyat Malaysia dalam perbankan Islam
- C Membantu pembiayaan Universiti Islam Antarabangsa
- D Pinjaman bank untuk membiayai pembangunan negara

39. Peta menunjukkan kawasan kerjasama pembangunan Ekonomi Segi Tiga



Apakah tujuan kawasan lingkungan tersebut diwujudkan?

- A Melindungi pasaran kewangan ASEAN
 - B Mendapatkan keuntungan bersama
 - C Memudahkan kawasan keselamatan
 - D Membendung jenayah merentas sempadan
40. Pada tahun 2009, Malaysia melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara. Apakah tujuan dasar tersebut?
- A Mengawal perubahan iklim
 - B Memelihara alam semula jadi
 - C Menjamin kebersihan persekitaran
 - D Mengawal perubahan bentuk muka bumi

SOALAN TAMAT